SAMPEL PERCUMA

Soalan Sejarah Tingkatan 2 Bab 8 Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis + Jawapan

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 6 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAB 8:KERAJAAN KEDAH, KELANTAN, NEGERI SEMBILAN DAN PERLIS

BAHAGIAN A

1. *Hikayat Merong Mahawangsa* merupakan antara sumber utama pengasasan kerajaan Melayu. Kerajaan Melayu manakah yang berkaitan dengan sumber tersebut?

   A Perlis

   B Kedah

   C Kelantan

   D Negeri Sembilan

2. Bagaimanakah kedudukan Kuala Sungai Merbok yang menghala ke Selat Melaka dan Gunung Jerai memainkan peranan dalam kemakmuran negeri Kedah?

   A Pembinaan kota

   B Kawasan pertanian subur

   C Menggalakkan perdagangan

   D Benteng pertahanan yang kukuh

3. Maklumat berikut berkaitan dengan pemasyhuran Maharaja Derbar Raja.

Pemasyhuran Maharaja Derbar Raja sebagai Raja Kedah disusuli dengan pengiktirafan dan pembawaan nobat dari Parsi.

   Apakah fungsi nobat?

   A Alat kebesaran diraja

   B Alat muzik tradisional

   C Warisan budaya masyarakat

   D Lambang pemerintahan negeri Kedah

4. Apakah strategi kerajaan Kedah untuk menghadapi ancaman dari dalam dan luar negeri?

A Mendapatkan perlindungan raja Siam

B Mengukuhkan kedudukan menerusi perkahwinan diraja

C Menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan jiran

D Mengembangkan kawasan pemerintahan menerusi pembukaan kota

5. Kemangkatan Raja Bahar telah menyebabkan berlaku perpecahan wilayah Kelantan.

Apakah dua wilayah tersebut?

I Kelantan Utara

II Kelantan Barat

III Kelantan Timur

IV Kelantan Selatan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

6. Maklumat di bawah berkaitan dengan pemerintahan **Y** di Kelantan.

- Memerintah wilayah tebing Sungai Lebir pada awal abad ke-17.
- Memelihara kijang sebagai haiwan kesayangan.

Siapakah **Y**?

A Long Yunus

B Puteri Saadong

C Sultan Muhammad II

D Che Siti Wan Kembang

7. Maklumat berikut berkaitan dengan kerajaan Negeri Sembilan.

> Pada tahun 1770, empat Penghulu Luak dari Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau telah menghantar utusan kepada Raja Minangkabau.

Apakah tujuan utusan tersebut?

A Menjemput anak raja

B Memohon perlindungan

C Menjalinkan hubungan persahabatan

D Membentuk Persekutuan Negeri Sembilan

8. Mengapakah Raja Melewar mendapatkan pengiktirafan daripada kerajaan Johor Riau?

A Memohon perlindungan

B Menjalinkan hubungan persahabatan

C Negeri Sembilan naungan kerajaan Johor Riau

D Pelantikan baginda dilakukan oleh Sultan Johor

9. Apakah gelaran yang digunakan oleh Raja Melewar semasa ditabalkan sebagai pemerintah Negeri Sembilan?

A Yamtuan Seri Menanti

B Yamtuan Kecil

C Sultan

D Raja

CADANGAN JAWAPAN

1.	B	11.	B
2.	C	12.	D
3.	A	13.	D
4.	D	14.	B
5.	C	15.	C
6.	D	16.	D
7.	A	17.	C
8.	C	18.	B
9.	A	19.	D
10.	B	20.	A

BAB 8 : KERAJAAN KEDAH, KELANTAN, NEGERI SEMBILAN DAN PERLIS

TINGKATAN 2			
TEMA : Warisan Negara	TAJUK : 6 Kesultanan Melayu Melaka Sebagai Asas Kerajaan Masa Kini	SK : 6.3 Kerajaan Kedah, Kelantan,Negeri Sembilan dan Perlis	SP: 6.3.1 Memerihalkan pengasasan kerajaan, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis

1 Negeri Kelantan dan Negeri Sembilan menyaksikan kemunculan pemerintahan yang masyhur seperti negeri-negeri Melayu yang lain.

(Buku teks m.s 140-143)

(a) Di Kelantan, antara pemerintahan yang masyhur ialah Sultan Muhammad III (1837-1886).
Terangkan sumbangan dan kejayaan baginda dalam pemerintahan Kelantan.

……..

……..

……..

(3 *markah*)

(b) Antara pemerintahan kerajaan Negeri Sembilan yang masyhur ialah Yamtuan Antah (1872-1888).
Nyatakan tiga sumbangan baginda dalam kegemilangan kerajaan Negeri Sembilan.

……..

……..

……..

(3 *markah*)

(*c*) Kejayaan seseorang pemerintahan memakmurkan negerinya bergantung kepada pembesar yang berwibawa.
Pada pendapat anda, **apakah** nilai-nilai yang perlu ada pada seseorang pembesar tersebut dalam membantu pemerintahan memakmurkankan negerinya ?

……..

……..

……..

……..

……..

(4 *markah*)

Panduan penskoran – Struktur

No. Soalan	Jawapan	Markah
	BAHAGIAN B (STRUKTUR)	
1 (a)	Terangkan sumbangan dan kejayaan baginda dalam pemerintahan Kelantan.	
	F1 Mengasakan Kota Bharu sebagai pusat pemerintahan kerajaan Kelantan (pada tahun 1844)	**1**
	F2 Membina Istana Balai Besar (sebagai tempat pentadbiran kerajaan dan tempat baginda bersemayam)	**1**
	F3 Menguatkuasakan undang-undang syarak.	**1**
	F4 Berjaya memakmurkan Kelantan sebagai pusat perdagangan	**1**
	Maks	**(3 Markah)**
1 (b)	Nyatakan tiga sumbangan baginda dalam kegemilangan kerajaan Negeri Sembilan.	
	F1 Menjamin keamanan negeri daripada campur tangan kuasa luar	**1**
	F2 Mewujudkan kestabilan dalam pemerintahan	**1**
	F3 Membolehkan Negeri Sembilan memperluas hubungan perdagangan dengan kerajaan lain	**1**
	Maks	**(3 Markah)**
1 (c)	Pada pendapat anda, apakah nilai-nilai yang perlu ada pada seseorang pembesar tersebut dalam membantu pemerintahan memakmurkankan negerinya ?	
	F1 Berwawasan	
	F2 Bersifat bertanggungjawab	**1**
	F3 Tegas dalam menjalankan tugas	**1**
	F4 Adil dan saksama	**1**
	F5 Tidak menyalah guna kuasa yang diberikan	**1**
	(Mana-mana munasabah)	**1**
	Maks	**(4 Markah)**
	Jumlah	**10 Markah**

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 6 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar